

17/06/1998

Wang bawah meja perlu dilapor

Abdul Halim Yusoff

SYARIKAT swasta yang berhadapan dengan agensi kerajaan yang meminta 'wang bawah meja' untuk membolehkan sesuatu urusan dilaksanakan, digesa mengumpulkan maklumat berkenaan secara terperinci dan menyerahkannya kepada Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti), Datuk Seri Rafidah Aziz.

Rafidah berkata, beliau sendiri kemudiannya akan menyerahkan maklumat terperinci berhubung rasuah berkaitan agensi kerajaan berkenaan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk tindakan.

"Kecuali jika tindakan sebegini diambil, sektor swasta masih terdedah untuk dianggap sebagai penggalak atau penyumbang kepada masalah rasuah."

"Dan lebih buruk lagi, keadaan itu menyebabkan sukar bagi kerajaan untuk menghapuskan stigma rasuah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika memberikan ucapan tama di jamuan tengah hari tahunan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Antarabangsa Malaysia (MICCI) di Kuala Lumpur, semalam.

Turut hadir Presiden MICCI, Datuk Jorgen Bornhoft dan Naib Presiden MICCI, Tengku Zainal Rashid dan Ajit Saran.

Kebimbangan mengenai masalah rasuah antara pelbagai persoalan yang dibangkitkan MICCI untuk perhatian kerajaan dan mengambil langkah berterusan bagi mengurangkan masalah itu ke paras yang lebih rendah.

Rafidah berkata, beliau mengemukakan cabaran kepada MICCI dan organisasi lain yang bimbang mengenai rasuah kerana kebimbangan mengenai masalah itu timbul berdasarkan pengalaman sebenar insiden rasuah.

Sehubungan itu, katanya, MICCI dan organisasi berkenaan disaran mendapatkan maklumat lengkap daripada ahli yang berhadapan masalah itu dan menyerahkannya kepada beliau.

Menurut Rafidah, isu rasuah adalah perkara yang baru ditimbulkan MICCI selepas 10 tahun, mungkin disebabkan ia bukanlah masalah sebelum ini atau rasuah dianggap isu sensitif.

"Bagaimanapun, selepas 10 tahun isu ini timbul ia bermakna satu atau ketiga-tiga perkara ini timbul iaitu; rasuah adalah isu baru, kini adalah masa paling sesuai bercakap mengenainya meskipun ahli sudah berhadapan mengenani sejak sekian lama, rasuah adalah topik kegemaran dalam keadaan sekarang yang mana sukar mendapat kontrak dan setiap ringgit begitu bermakna."

"Selain itu, biasanya isu sebegini hilang begitu saja apabila masalah keseluruhan mulai reda," katanya.

Rafidah berkata, kerajaan mempunyai dasar tegas berhubung rasuah dalam apa juga bentuk. "Rasuah adalah kos kepada semua pihak sama ada pemberi atau kerajaan yang menghadapi risiko imej yang tercemar."

"Sebenarnya, masalah rasuah tidak akan terjadi jika tidak dengan persetujuan kedua-dua pihak. Jika sektor swasta masih lagi memberi rasuah, tiada apa yang dapat dilakukan oleh kerajaan yang rasuah itu untuk mengatasinya," katanya.

(END)